

Bahasa Pertama dan Bahasa Kedua

Ketika kempen awal Parti Republikan untuk memilih bakal calon parti itu untuk pilihan raya presiden Amerika Syarikat tahun 2016, kaum imigran atau pendatang imigran turut mendapat perhatian, iaitu apakah bahasa yang sepatutnya digunakan oleh mereka.

Dalam kalangan calon yang bertanding, teretus kontroversi apabila Donald Trump mengkritik Jeb Bush kerana bertutur dalam bahasa Sepanyol semasa berkempen. Bagi Trump, Bush sepatutnya menunjukkan contoh dengan bertutur dalam bahasa Inggeris ketika di Amerika Syarikat. Trump dikatakan memberikan respons terhadap komen yang dilemparkan oleh Bush pada awal September, mengasak Trump dalam bahasa Sepanyol. Bekas Gabenor Florida itu, ketika wawancara dengan *Good Morning America*, mempertahankan penggunaan

bahasa Sepanyol, mengatakan kritikan Trump terhadap beliau itu "kelakar" yang membuatkan beliau ketawa.

Jeb Bush dilaporkan menggunakan bahasa Sepanyol ketika beliau muncul di sekolah dwibahasa di Miami, selepas para pelajar dan pemberita bertanyakan soalan dalam bahasa Sepanyol. Beliau menjelaskan kanak-kanak comel itu semuanya bertutur dalam bahasa Inggeris, tetapi mereka juga bertutur dalam bahasa Sepanyol dan seorang daripada mereka mengemukakan soalan dalam bahasa Sepanyol dan beliau menjawabnya dalam bahasa itu. "Itulah realiti Amerika, itulah kebaikan Amerika. Itulah jenis Amerika yang kita mahu," kata Bush, merujuk legasi pelbagai budaya Amerika Syarikat. Beliau menunjukkan bahawa Trump ialah hipokrit dalam kritikkannya, kerana hartawan itu pernah mendapat kontrak dengan rangkaian Univision bahasa Sepanyol. "Adakah kita akan menutup

semula kelas bahasa asing?" tanya Bush. Beliau jelas menolak pandangan Trump bahawa orang ramai sepatutnya hanya bertutur dalam bahasa Inggeris di Amerika Syarikat. "Kita negara yang bertutur dalam bahasa Inggeris."

Pertikaman lidah antara dua bakal calon tersebut tidak mudah reda, kerana selepas itu, Sarah Palin, mantan calon naib presiden, masuk campur dengan menyebelahi Donald Trump. Beliau menggesa kaum imigran atau pendatang di Amerika Syarikat sepatutnya "bercakap bahasa Amerika". "Memang kelebihan Jeb Bush kerana beliau mampu fasih dalam bahasa Sepanyol, kerana kita mempunyai jumlah penduduk Hispanic yang besar dan mengagumkan yang membantu membina Amerika," beritahu Palin ketika wawancara dengan CNN. "Dari satu segi lain, kamu tahu, saya fikir kita dapat menghantar mesej dan berkata: 'Anda ingin tinggal di Amerika? A, anda lebih baik tinggal di sini

secara sah, atau anda keluar dari sini. B, apabila anda di sini, lebih baik bercakap Amerika.' Maksud saya, hanya elok bertutur dalam bahasa Inggeris," tambah Palin, yang merupakan regu John McCain dalam kempen pilihan raya presiden tahun 2008.

Palin yang popular dalam kalangan sesetengah konservatif Amerika Syarikat berkata bahawa, "aspek penyatuan negara ialah bahasa yang difahami oleh semua orang." Kebanyakan pendatang tanpa izin di Amerika Syarikat datang dari Mexico dan negara lain yang bertutur dalam bahasa Sepanyol di Amerika Latin.

Dalam *"Speak American: What about Speaking Something Else too?"* dalam *The Economist*, R.L.G. menyusuli kontroversi yang melibatkan dua bakal calon presiden dan mantan calon naib presiden Amerika Syarikat. Beliau mengingatkan bahawa bahasa Sepanyol bukan hanya loghat, tetapi juga merupakan bahasa. Kekeliruan orang dengan cepat

Donald Trump



Negeri Illinois yang mengisytiharkan bahasa rasmi negeri itu ialah "Amerika" pada tahun 1923, secara diam-diam membatalkan undang-undang itu pada tahun 1969.

membawa kepada kejangkalan apabila mereka tidak dapat memahami pertuturan orang yang kelilingi mereka, dan banyak penutur ekabahasa Inggeris tidak akan pertambahan bahasa Sepanyol di Amerika.

"Hal ini menjadi lebih jelas apabila kontroversi bahasa Sepanyol sebagai bahasa kedua rccetus baru-baru ini," tulis R.L.G. "Jeb Bush, calon presiden, berkahwin dengan wanita Amerika-Mexico, dan ada kalanya berucap dengan kefasihan yang mengagumkan dalam bahasa Sepanyol di hadapan para penyokongnya. Hal ini melampau bagi Donald Trump, yang kini ialah calon yang disebut-sebut akan menang (*frontrunner*)

sebagai wakil Republikan, berkata bahawa Bush 'sepatutnya benar-benar menunjukkan contoh dengan

bertutur dalam bahasa Inggeris ketika di Amerika Syarikat'. Turut serta dalam korus ini ialah Sarah Palin, yang berkata bahawa meskipun hebat bahawa Bush ialah dwibahasa, Latinos di Amerika sepatutnya "bercakap bahasa Amerika".

R.L.G. menyindir Palin yang membetulkan ayat akhir kepada "bertutur dalam bahasa Inggeris" sambil menegaskan mantan Gabenor Alaska itu berpijak pada sejarah berbanding dengan pengkritiknya. Beliau menegaskan bahawa negeri Illinois yang mengisytiharkan bahasa rasmi negeri itu ialah "Amerika" pada tahun 1923, secara diam-diam membatalkan undang-undang itu pada tahun 1969, dan seorang anggota Kongres memperkenalkan rang undang-undang yang gagal untuk menjadikan

"Amerika" bahasa kebangsaan juga pada tahun 1920-an. R.L.G. mengingatkan bahawa "bahasa Inggeris Amerika memang jelas dialek Inggeris, tidak memisahkan bahasa daripada bahasa yang dituturkan di England, tetapi agak banyak tempat, dua keanekaan pertuturan yang saling difahami mendapat nama yang berbeza kerana alasan politik: bahasa Serbia dan Croatia, Hindi dan Urdu, dan sebagainya". Mungkin kita dapat menambah di sini: bahasa Melayu-Malaysia dan bahasa Melayu-Indonesia.

Tentang peringatan Palin bahawa "Saya fikir, anda tahu, apabila anda di sini, lebih baik bercakap Amerika," R.L.G. merumuskan bahawa kewilayahannya semua dilihat sebagai isu, iaitu bahasa asing hebat, selagi bahasa itu hanya dituturkan di luar negara. "Akan tetapi, Amerika Syarikat tidak pernah merupakan sesuatu yang menyerupai ekabahasa. Amerika Syarikat ini berasaskan wilayah penutur banyak bahasa ibunda Amerika. Amerika Syarikat yang membawa dan menakluki wilayah besar dari Perancis, Sepanyol, dan Mexico." Tambah R.L.G., "Amerika Syarikat menerima satu demi satu gelombang imigran, dan bercanggah dengan kepercayaan lazim, bahasa Sepanyol bukan bahasa pertama dengan kumpulan penutur yang besar tinggal di bahagian besar negara ini, dengan media dan kehidupan dalam bahasa mereka. Penutur Jerman yang merupakan blok yang sangat besar dan tidak diasimilasikan satu abad lalu, menguasai kota-kota di seluruh barat tengah, seperti Milwaukee, Cincinnati dan St. Louis."

Seterusnya, R.L.G. menegaskan bahawa banyak yang ingin diraikan dalam bertutur bahasa kedua bersama-sama bahasa

Inggeris, sama ada anda orang Arizona bernama Vanessa Ruiz atau anak lelaki Anglo-Saxon dan adik mantan presiden bernama Bush. Barack Obama dapat bertutur sedikit dalam bahasa Indonesia. Herbert Hoover fasih dalam bahasa Mandarin, dan bahasa pertama Martin van Buren ialah bahasa Belanda. Amerika tidak pernah akan memilih seseorang yang tidak bercakap "Amerika", tetapi Amerika sepatutnya bangga, tidak gementar, apabila Amerika memilih seseorang yang bertutur lebih daripada satu bahasa.

Isu bahasa nampaknya terus menjadi perhatian dalam kalangan calon parti Republikan yang bertanding. Yang berlaku sekarang seolah-olah mengulangi apa yang berlaku kira-kira empat tahun lalu, dan pernah diberikan liputan dalam *Derwan Bahasa* keluaran Jun 2012, maka tidak perlu lagi diulang di sini.

Sementara itu, beberapa bulan lalu, "These are Europe's Most Useful Second and Third Languages" dalam *The Independent*, menyatakan bahawa orang Eropah yang bertutur dalam bahasa Welsh, Flemish atau Catalan di rumah. Hal ini memberikan gambaran bahawa mungkin bijak untuk menambah beberapa bahasa lain. Akhbar infografik daripada *Statista* yang mengemukakan dapatan pandangan warga Eropah tentang bahasa kedua berguna untuk dipelajari tidak memeringkatkan. Bagi mereka, bahasa Eropah yang paling berguna untuk pembangunan peribadi ialah bahasa Inggeris. Hanya Luxembourg - negara yang bertutur bahasa Inggeris yang menarafkan bahasa selain bahasa Inggeris sebagai bahasa asing teratas yang perlu dikuasai, tetapi memandangkan bahawa negara kecil yang mempunyai

Meskipun Mandarin ialah bahasa ibunda yang dituturkan paling meluas di dunia, negara berkenaan berpandangan bahawa bahasa yang paling berguna ialah bahasa Sepanyol, iaitu 13 peratus di belakang bahasa Perancis.

550 000 orang penduduk itu telah pun bertutur dalam bahasa Perancis sebagai bahasa rasmi dan sempadan negara, maka belajar bahasa Perancis lebih bermakna. Sementara itu, penduduk Ireland dan United Kingdom memilih bahasa Perancis sebagai bahasa paling berguna. Warga Eropah juga menilai bahasa Eropah kedua yang paling berguna dan untuk pembangunan peribadi, selepas bahasa Inggeris ialah bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman, bahasa Itali, dan bahasa Rusia.

Meskipun bahasa Mandarin ialah bahasa ibunda yang dituturkan paling meluas di dunia, negara berkenaan berpandangan bahawa bahasa yang paling berguna ialah bahasa Sepanyol, iaitu 13 peratus di belakang bahasa Perancis. Jiran-jiran Rusia, iaitu Finland, Latvia, Estonia, dan Lithuania memilih bahasa Rusia sebagai bahasa seterusnya untuk

dipelajari, di samping negara pulau Mediterranean, Cyprus. Bahasa Jerman ialah pilihan bahasa ketiga paling popular, iaitu 17 peratus di seluruh benua Eropah dan teratas selepas bahasa Inggeris, oleh ahli perniagaan di Greece, Poland, dan Ireland, manakala orang British akan belajar bahasa Sepanyol selepas bahasa Perancis.

Richard Garner, editor pendidikan *The Independent* pada awal Julai tahun ini menulis bahawa, dengan lebih 300 juta orang penuturnya, tidak memeringkatkan British Council mempromosikan bahasa Arab diajarkan di sekolah di Britain. Dalam "Forget French and Mandarin: Arabic is the Language to Learn," Garner memaklumkan bahawa di lapan kluster sekolah di seluruh negara itu, 1 000 orang belajar bahasa Arab sebagai sebahagian kurikulum, manakala 500 lagi belajar mata pelajaran itu ketika makan tengah hari dan kelab selepas sekolah. Tempat yang terlibat ialah Belfast, Sheffield, Manchester, London (ada dua buah), Barnstaple di Devon, Blackburn, dan Bradford.

Menurut laporan British Council, yang dipetik oleh Garner, 10 bahasa teratas untuk masa hadapan, diramalkan ialah (susunan mengikut kepentingan), bahasa Sepanyol, bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Cina Mandarin, bahasa Jerman, bahasa Portugis, bahasa Itali, bahasa Rusia, bahasa Turki dan bahasa Jepun.

Agak memeringkatkan bahawa bahasa Jepun yang beberapa dekad lalu mendapat sambutan dalam kalangan warga dunia, termasuk Malaysia, hanya menduduki tempat ke-10 di belakang bahasa Turki. Hal ini dapat difahami kerana dari segi ekonomi, Jepun boleh diibaratkan dalam keadaan "suria terbenam jua". **DB**